

TARIKH	23 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Letters

Ahli KWSP dapat pergi haji boleh keluar RM3,000



Saya kurang faham mengenai pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menunaikan ibadah haji. Apakah syarat dikenakan terhadap pengeluaran ini.

Johari Abdul Razak
Kota Kinabalu, Sabah



Berkuat kuasa 1 Januari lalu, KWSP memperkenalkan 'Pengeluaran Haji' yang membolehkan ahli KWSP mengeluarkan simpanan mereka sehingga RM3,000 daripada Akaun 2 bagi membiayai kos ibadah haji.

Permohonan mudah tanpa perlu mengisi borang itu boleh dibuat ahli berumur kurang 55 tahun dengan syarat mereka sudah menerima surat tawaran menunaikan haji daripada Tabung Haji.

Bagaimanapun, pengeluaran ini hanya boleh dibuat sekali seumur hidup dan hanya layak bagi mereka yang tidak mempunyai simpanan yang cukup di Tabung Haji. Jadi, ahli yang layak memohon boleh datang ke cawangan KWSP dengan mengemukakan kad pengenalan, surat tawaran Tabung Haji dan bu-

ku akaun simpanan Tabung Haji yang sudah dikemas kini.

Ahli juga perlu mengemukakan permohonan haji selewat-lewatnya tiga hari bekerja sebelum tarikh akhir menjawab pengesahan menunaikan haji seperti ditetapkan Tabung Haji bagi memudahkan proses permohonan mereka. Untuk maklumat lanjut, ahli boleh mengunjungi laman web myEPF di www.kwsp.gov.my atau menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-8922 6000.

Datuk Ibrahim Taib

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi KWSP



Permohonan mudah tanpa perlu mengisi borang itu boleh dibuat ahli berumur kurang 55 tahun dengan syarat mereka sudah menerima surat tawaran menunaikan haji daripada Tabung Haji"

TARIKH	23 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Letters



Pengeluaran Haji membolehkan **ahli KWSP mengeluarkan simpanan** sehingga RM3,000 daripada Akaun 2 bagi membiayai kos ibadah haji, sekali seumur hidup.